



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK
BORNEO FLORA FESTIVAL 2025**

10 SEPTEMBER 2025

**DESA TUNAS HIJAU
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

SALUTASI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat berhimpun bersama-sama hari ini bagi meraikan satu kejayaan yang cukup membanggakan bagi kita semua, iaitu kejayaan menganjurkan Borneo Flora Festival yang telah selesai kita sempurnakan pada bulan Julai 2025 lepas. Saya anggap majlis ini sebagai satu pertemuan 'keluarga besar' kita, menghimpunkan semua pihak yang telah mencurahkan tenaga, idea dan masa demi memastikan hasrat untuk menjadikan Labuan sebagai tumpuan serantau itu berjaya.
2. Walaupun sebahagian besar dari petugas bukan lah orang Labuan, tapi cita-cita dan hasrat kita bersama untuk melihat Labuan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan

dua lagi Wilayah Persekutuan yang lain, iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya, amatlah besar dan ini dilakukan demi 3 pesona dan demi negara Malaysia yang tercinta. Tahniah! Berikan tepukan yang gemuruh kepada anda semua!

3. Tentunya, ini adalah satu bukti yang jelas, apabila agensi, komuniti, rakan rakan media dan rakan-rakan strategik sama-sama berganding bahu, semua yang kita impikan dan rancangkan mesti membuahkan hasil yang terbaik dan terkadang di luar dugaan kita. Semangat 'Wilayah Persekutuan Kita' ini lah yang perlu kita terapkan dan garap bersama dalam apa jua yang kita laksanakan di Wilayah Persekutuan ini. Saya ingin masyhurkan istilah yang diilhamkan sempena BFF yang lepas iaitu 3 cerita 1 jiwa.
4. Terima kasih khusus saya tujukan kepada Angkatan Tentera Malaysia (darat, udara dan laut) yang banyak membantu dalam urusan logistik, pancaragam dan pameran seperti KD Kedah. Juga kepada pasukan-pasukan keselamatan seperti polis dan RELA, serta agensi-agensi persekutuan dan negeri termasuk juga rakan-rakan pempamer BFF yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu, tetapi tidak menghilangkan rasa hormat dan terima kasih saya kepada mereka.

HASIL DAN IMPAK BORNEO FLORA FESTIVAL 2025

Para hadirin sekalian,

5. Walaupun pada awalnya, ramai yang skeptikal dengan penganjuran BFF ini, terutamanya apabila saya umumkan sasaran 50 ribu pengunjung yang akan hadir ke Labuan, tetapi kita telah membuktikan sebaliknya. Buktinya, jumlah keseluruhan pengunjung BFF adalah melebihi 120 ribu orang *or to be exact* 120,154 orang. Kiraan ini adalah tepat menggunakan pengimbas CCTV yang dilengkapi dengan teknologi AI.
6. Ini adalah 140 peratus melebihi sasaran awal kita. Saya pun boleh masuk *Malaysia Book of Records* sebagai Menteri pertama yang duduk di Labuan sehingga 7 hari 6 malam, semata-mata untuk BFF ni. Kerja di Putrajaya pun, kita bawa ke Labuan. Tak apa lah demi rakyat Labuan.
7. Mereka yang datang itu bukan hanya orang tempatan, malah ada juga pengunjung dari Sabah, Sarawak, ada juga dari Semenanjung seperti Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan serta ada juga pengunjung dari Filipina, Brunei, Indonesia, Timor Leste, China dan India yang memang

hadir ke Labuan pada ketika itu semata-mata untuk hadir ke BFF.

8. Direkodkan seramai 66,720 pengunjung luar dan 16,680 kenderaan tiba di Labuan sepanjang BFF, dan seramai 12,347 pengunjung dicatatkan tiba di Labuan menggunakan perkhidmatan bot laju dan feri penumpang. Sehinggakan, mungkin buat pertama kali dalam sejarah, *traffic jam* berlaku di Labuan sehingga lewat malam.
9. Tapi saudara saudara sekalian, apa yang lebih penting ialah bagaimana program berskala besar ini dapat memberi limpahan ekonomi berganda dalam bentuk pulangan pendapatan kepada rakyat Labuan itu sendiri.
10. Secara makro kesan ekonomi berganda ini telah memberikan pulangan yang besar kepada rakyat di Labuan melalui perbelanjaan langsung yang dibuat oleh para pengunjung. Jika kita kira anggaran secara keseluruhannya, perbelanjaan yang masuk ke Labuan sepanjang 5 hari itu adalah hampir 22 juta ringgit. Manakala, *multiplier value added* pada kesan ekonomi tersebut kita anggarakan sebanyak lebih 35 juta ringgit.

11. Impak secara langsung dapat dirasakan dengan penambahbaikan dan penyelenggaraan fasiliti asas yang dipertingkatkan melalui pembaikan jalan raya, landskap, pembaikan kemudahan dalam dan luar bangunan, tandas, laluan pejalan kaki, longkang, pencahayaan dan banyak lagi. Ini semua adalah manfaat yang turut diterima dari penganjuran BFF ini.
12. Selain itu, sehingga ke hari ini saya masih rasa terharu dengan ucapan terima kasih yang tidak putus-putus daripada peniaga-peniaga BFF. Mereka kata selama ini mereka tak berpeluang dapat program yang berskala besar ini di Labuan, jualan harian mencecah sehingga 5 ribu ringgit pada hari pertama sahaja, sedangkan sewa tapak hanya 300 ringgit sahaja.

CABARAN, PELUANG DAN HALA TUJU LABUAN

Para hadirin sekalian,

13. Walaupun begitu, di sebalik kejayaan yang membanggakan ini, kita tidak boleh tutup mata terhadap isu dan cabaran yang kita hadapi dan kita perlu *acknowledge* dengan serius.

Antaranya adalah tentang kapasiti penginapan yang masih terhad, sehingga ada pelawat yang terpaksa menempah lebih awal atau mendapatkan penginapan di luar pulau.

14. Selain itu, isu *connectivity*, juga mendapat perhatian dari YAB Perdana Menteri, sama ada penerbangan, feri mahupun pengangkutan darat di dalam pulau. Ini menjadi antara faktor yang mempengaruhi pengalaman pengunjung. Pada skala acara yang lebih besar, keperluan untuk menambahbaik kekerapan dan kualiti perkhidmatan ini akan menjadi lebih mendesak.

15. Namun, saya melihat kedua-dua perkara ini bukan sebagai halangan, sebaliknya ini adalah peluang yang perlu kita rebut, di mana ini membuka ruang untuk kita melibatkan pelabur, memperkasakan usahawan tempatan dan

merangka model *public-privatepartnership* yang dapat meningkatkan kapasitas penginapan serta memperkuat jaringan pengangkutan.

16. Kita perlu sedar hakikat bahawa Labuan berdepan dengan cabarannya yang tersendiri iaitu dari segi skala pasaran dan kebergantungan kepada industri tertentu. Namun begitu, saya optimis untuk katakan bahawa Labuan memiliki potensi yang jauh melangkaui sempadan pulau tersebut. Kedudukan strategik Labuan di tengah-tengah kepulauan Borneo meletakkannya dalam ekosistem serantau yang melibatkan Sabah, Sarawak, Negara Brunei dan Kalimantan, Indonesia, menjadikannya satu gabungan populasi melebihi 20 juta orang secara keseluruhannya.
17. Naratif kita tentang Labuan ini perlu berganjak dan tidak boleh berpaksikan kepada angka 100 ribu penduduk semata-mata dan bersifat *Labuancentric*. Sebaliknya, Labuan perlu dilihat sebagai pusat tumpuan yang berhubung rapat dengan seluruh Borneo, menjadi pintu masuk perdagangan, pelancongan, budaya dan kerjasama rentas negara.
18. Seperkara lagi, pembangunan Ibu Kota Nusantara atau IKN di Kalimantan Timur adalah peluang besar yang perlu

kita rebut. Kedudukan Labuan di laluan maritim serantau membolehkan kita menjadi destinasi persinggahan utama, pusat logistik dan hab acara antarabangsa yang menghubungkan IKN dengan pasaran dan pelancong dari seluruh rantau ini.

19. Kita perlu duduk berbincang untuk memastikan Pelan Tindakan Pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Malah merebut peluang dalam sektor ini dengan pantas, kerana kejayaan tidak datang dengan sendiri, ia memerlukan kerjasama, tenaga dan kepakaran daripada semua pihak. Apa juga usaha yang kita laksanakan ini, akhirnya mesti menuju kepada satu matlamat yang jelas iaitu untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Labuan, membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, serta mengangkat martabat masyarakat kita di pulau tercinta ini.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Seperti yang saya pernah maklum sebelum ini, kita tidak boleh anggap BFF ini sebagai penamat. Ini adalah

permulaan kita. Standard yang telah kita letakkan itu sudah setinggi itu, jadi program-program selepas ini pun perlu lah dinaiktarafkan. Beberapa bulan lagi, acara yang seterusnya perlu kita tengok di Labuan adalah Borneo Arts Festival.

21. Untuk makluman, BAF merupakan acara tahunan Labuan yang kini memasuki tahun ke-12 penganjurannya. Sepanjang lebih sedekad, ia bukan sekadar pesta seni, tetapi telah berkembang menjadi platform strategik dalam membina hubungan serantau dengan negara-negara Borneo seperti Brunei, Indonesia dan Filipina. Melalui seni, budaya dan kreativiti, kita mampu memperkukuh jalinan diplomasi masyarakat serumpun, sekali gus mengangkat nama Labuan ke persada antarabangsa.
22. Apa yang menarik, BAF 2025 tetap mengekalkan aktiviti pertandingan dan persembahan Seni Kebudayaan Borneo yang telah menjadi identiti festival ini, Ini termasuklah pertandingan berskala besar seperti Pertandingan Tarian Kreatif Borneo, Pertandingan Tarian Tingkah Geruh, dan Pertandingan Rekaan Fesyen Borneo yang menampilkan gabungan tradisi serta rekaan moden. Pada masa sama, BAF tahun ini memperkenalkan kelainan dalam pengisian program. Pendekatan ini penting agar festival ini tidak

ketinggalan zaman, sentiasa segar, dan terus mendapat tempat di hati masyarakat pelbagai generasi.

23. Pengunjung juga akan dapat menikmati pelbagai program kreatif dan interaktif lain. Antaranya *Visual Vibes Exhibition @ Galeri LAWA*, Taman Pesona Warisan Borneo, Cita Rasa Borneo, *Unity Walk*, Seni Gasing Tradisis dan pelbagai lagi. Lebih menarik lagi pada tahun ini, tema **Warisan Seni Borneo** akan ditonjolkan dengan lebih meluas melalui aktiviti persembahan, pameran, serta pertandingan yang mengetengahkan keunikan budaya, adat, dan seni tradisional masyarakat Borneo.
24. Pada masa yang sama, kita juga membawa nafas baharu dengan memperkenalkan Seni Muzik *Fusion* sebagai salah satu program utama. Seni muzik fusion ini menggabungkan elemen muzik tradisional Borneo dengan alunan moden kontemporari. Hasilnya, lahirlah karya muzik yang lebih segar, kreatif dan mampu menembusi citarasa generasi muda tanpa menenggelamkan nilai warisan. Inilah kesinambungan yang kita mahukan. Seni lama dihargai, seni baharu diraikan.
25. Dengan gabungan elemen tradisional dan moden ini, BAF bukan sahaja meraikan kepelbagaian seni tetapi juga

membuka ruang kepada hubungan strategik serantau, sekaligus mengangkat nama Labuan sebagai pusat seni dan budaya bertaraf antarabangsa.

26. Saya sendiri telah hubungi Menteri Perpaduan, YB Datuk Aaron Ago, dan maklumkan kepada beliau hasrat kita untuk bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan dalam program BAF ini. Alhamdulillah, beliau memberi respon yang cukup positif. Saya juga dimaklumkan perjumpaan dengan *counterpart* beliau iaitu KSU Kementerian Perpaduan, Dato' Haslina juga telah dilakukan. Insya-Allah, kerjasama ini akan kita kukuhkan lagi menjelang BAF tidak berapa lama lagi.
27. Selain itu, saya juga minta kerjasama daripada MOTAC untuk turut sama bersama kita dalam menjadikan Labuan sebagai sebahagian daripada promosi pelancongan dan budaya. Perkara ini sudah saya bincang dan akan terus diperkukuhkan bersama YB Menteri, Dato' Sri Tiong.
28. Dengan semangat yang telah kita tunjukkan melalui BFF ini, saya yakin segala usaha seterusnya, termasuklah penganjuran BAF 2025, akan terus membawa Labuan ke tahap yang lebih gemilang. Saya percaya dengan komitmen jitu semua pihak, Labuan akan melangkah

sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang berdaya saing serta menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

29. Dengan semangat yang telah kita tunjukkan melalui BFF ini, dan seterusnya festival tahunan yang ditunggu-tunggu rakyat Labuan khususnya iaitu BAF saya yakin segala usaha seterusnya juga akan membawa Labuan ke satu tahap yang lebih gemilang. Dan saya percaya dengan komitmen jitu semua pihak, Labuan akan terus melangkah sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang berdaya saing serta boleh menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.